

CADANGAN MEMBINA:

- 1) 3 BUAH KILANG SARUNG TANGAN GETAH (BLOCK 4A,4B & 4C)
- 2) SEBUAH GUDANG "WAREHOUSE" 3 TINGKAT
- 3) SEBUAH PONDOK PENGAWAL 1 TINGKAT
- 4) 2 BUAH RUMAH PAM 1 TINGKAT
- 5) SEBUAH TOH ROOM

DI ATAS LOT 15406, JALAN CHANGKAT JONG, MUKIM CHANGKAT JONG, DAERAH HILIR PERAK, TELUK INTAN, PERAK DARUL RIDZUAN UNTUK CENTRAL MEDICARE SDN.BHD.

CARA-CARA PERLAKSANAAN (METHOD STATEMENT) BAGI KERJA-KERJA PIPE JACKING

- i. Memaklumkan kepada pihak berkuasa yang berkenaan tentang kerja yang akan dilaksanakan di bawah kelulusan mereka yang terlibat iaitu Kerja Raya (JKR) Lembaga Air Perak (LAP), Telekom Malaysia, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan agensi lain.
- ii. Permit JKR untuk memulakan kerja-kerja *pipe jacking* perlu diperolehi sebelum kerja-kerja di tapak dijalankan.
- iii. Sebelum kerja-kerja dimulakan pihak kami akan menyediakan semua kelengkapan Papan Tanda Keselamatan dan pihak kami akan mengaturkan di tepi kawasan di mana kerja akan dijalankan.
- iv. Pengorekan lubang percubaan (Pilot Excavation) perlu dilakukan bagi memastikan service sedia ada di dalam tanah seperti paip air, kabel Telekom dan Tenaga Nasional tidak mengganggu/menghalang kawasan di mana kerja *pipe jacking* akan dijalankan.
- v. Kerja-kerja pengukuran dan menyelenggara *Jacking Pit* termasuklah menanam cecucuk kepingan (*Sheet Pile*) serta kerja-kerja yang diperlukan bagi tujuan memastikan kelancaran kerja dan keselamatan yang terjamin.
- vii. Memasang mesin jacking pada kedudukan aras dan jajaran yang betul. Mesin jacking tersebut akan dipasang pada landasan (*guiderail*) yang telah disediakan serta diletakkan di tepi lubang *pipe jacking* kira-kira 3 meter jauh dari tepi jalan.
- viii. Menurunkan paip sleeve sepanjang 3 meter pada kedudukan yang betul.
- ix. Paip sleeve akan ditolak masuk secara mekanikal oleh mesin tersebut.
- x. Pada penghujung sleeve satu set sleeve yang baru akan diturunkan dan disambung serta dikimpal. Kerja-kerja ini akan diteruskan sehingga mencapai sasaran yang diperlukan.
- xi. Sementara itu lubang korekan sebagai *Receiving Pit* akan dilakukan. Kerja jacking boleh dianggap selesai dengan sleeve telah sampai ke *receiving pit*.



- xii. Tanah yang berada di dalam paip akan dicuci dan dikeluarkan menggunakan high pressure water jet. Pump air berkapasiti 6 hose power (hp) akan dipasang sementara kerja-kerja mencuci paip.
- xiii. Setelah siap sepenuhnya kerja-kerja mengeluarkan tanah dari sleeve maka kerja-kerja pemasangan paip diteruskan.
- xiv. Paip CLMS akan dimasukkan ke dalam sleeve tersebut.
- xv. Paip CLMS yang telah dimasukkan itu akan diuji melalui Ujian Tekanan dan Kebocoran. (Sila rujuk Lampiran : Ujian Tekanan dan Kebocoran).
- xviii. Pihak kami mengambil masa selama Empat (4) minggu untuk menyiapkan kerja-kerja tersebut dari tarikh yang bersesuaian dengan tarikh yang pihak tuan tetapkan.



